

BAB 1.0 PENDAHULUAN

Pelan Induk Landskap (PIL) merupakan satu laporan yang disediakan untuk semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negeri di Malaysia di bawah Program Pembangunan Landskap yang dikendalikan oleh Jabatan Landskap Negara (JLN), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Tujuan utama PIL disediakan adalah untuk :

- i. Memberi penampilan yang menarik dari segi keindahan dan keselesaan yang disebabkan oleh status tempat-tempat tersebut sebagai kawasan Majlis Perbandaran dan Daerah;
- ii. Kadar pembangunan yang secara relatifnya tinggi di tempat-tempat berkenaan dan wujudnya keperluan yang lebih mendesak bagi satu bentuk perancangan yang menyeluruh bagi pembangunan dan penyelenggaraan landskap;

PIL merupakan satu pelan tindakan jangka panjang yang komprehensif bagi aspek landskap seperti di kawasan pusat bandar, pekan-pekan utama, kawasan bersejarah, kawasan tarikan pelancongan dan kawasan lapang termasuklah taman-taman awam. Penyediaan dan pelaksanaan pelan ini sangat penting sebagai satu tindakan untuk mencapai hasrat kerajaan menjadikan Malaysia Negara Taman Terindah menjelang Tahun 2020.

1.1 Matlamat kajian

Matlamat utama kajian adalah untuk menjadikan Perbandaran Sepang sebagai Hab Koridor Raya Multimedia Yang Membangun Dengan Mampan dan Sejahtera dengan menyediakan persekitaran kehidupan mampan, menjana pertumbuhan ekonomi berasaskan penggunaan multimedia dan teknologi maklumat, pembangunan kawasan kajian dengan menggunakan sumber dan aset semulajadi di samping menitikberatkan keperluan landskap dan rekreasi setempat.

1.2 Objektif kajian

Berikut merupakan objektif bagi kajian ini :

- i. Menggunapakai ciri-ciri fizikal dan sumber semulajadi Daerah Sepang yang boleh membentuk karakter sesuai dalam pembentukan sebuah daerah pelancongan.
- ii. Mengenalpasti keunikan-keunikan yang boleh ditonjol untuk dijadikan identiti dan imej bagi menjadikan Sepang sebagai sebuah daerah pelancongan.
- iii. Mengintegrasikan pembangunan landskap dan ciri-ciri budaya masyarakat setempat di dalam pembangunan yang dijalankan.

- iv. Memelihara dan memulihara khazanah semulajadi dan warisan yang terdapat di Sepang selari dengan pembangunan fizikal bandar.

1.3 Skop Kajian

Skop kajian ini merangkumi semua aspek landskap secara fizikal melibatkan perancangan pembangunan, pengurusan dan penyelenggaraan landskap seperti berikut :

1.3.1 Mengenal pasti Status Pentadbiran, Perancangan dan Pembangunan

Mengkaji dan mengenalpasti persempadanan pentadbiran, kawasan kawalan dan operasi kawasan kajian serta organisasi pentadbiran. Kajian juga melihat status pembangunan, persekitaran kehidupan secara umum, aktiviti ekonomi dan aspirasi serta kehendak umum dan organisasi semasa.

1.3.2 Mengenal pasti Ciri-Ciri Fizikal

Ciri-ciri fizikal di kawasan kajian mewujudkan elemen-elemen tertentu. Proses dan interaksi elemen-elemen tersebut samaada secara individu atau integrasinya akan mewujudkan proses dan komponen yang signifikan yang mempengaruhi corak dan ciri-ciri sesuatu kawasan samaada ciri-ciri fizikal, budaya mahupun aktiviti ekonomi. Kajian akan dilakukan melalui kaedah penelitian dan meliputi semua ciri-ciri fizikal di sesuatu kawasan tanpa pengecualian. Ciri-ciri tersebut adalah :

- I. Topografi
- II. Cuaca dan peredaran angin
- III. Geologi dan ciri-ciri tanah
- IV. Ciri-ciri hidrologi, saliran, sumber saliran dan badan air
- V. Tumbuhan samada semulajadi atau yang diusahakan (cultivated)
- VI. Ciri-ciri visual samada pemandangan (scenic value)
- VII. Guna tanah
- VIII. Pembangunan infrastruktur fizikal
- IX. Ciri-ciri hortikultur

Ciri-ciri fizikal tersebut akan dinilai dengan mengambilkira keadaan sediaada dan mengenalpasti potensi, halangan, cabaran, ancaman dan pertaliannya terhadap pembangunan atau pembangunan landskap bagi kawasan kajian.

1.3.3 Mengenalpasti Status Perancangan Sektor Pembangunan Kawasan Kajian

Kajian akan mengenalpasti dan mengkaji perancangan semua sektor pembangunan yang telah dirancang dan diluluskan di sesuatu kawasan dari segi konsep, tujuan dan sumbangannya kepada keseluruhan pembangunan kawasan. Kajian juga akan melihat keperluannya terhadap sumber semulajadi dan impaknya kepada persekitaran.

1.3.4 Mengenalpasti Sumber jaya Landskap

Kajian akan mengenalpasti dan menyediakan inventori yang menunjukkan semua sumber jaya landskap yang ada di kawasan kajian seperti kawasan lapang, kawasan berkualiti visual yang tinggi, tumbuhan dan populasi tumbuhan, sumber air, rekreasi semulajadi, jaringan hijau, kawasan 'agricultural landscape', 'cultural landscape' dan lain-lain sumber jaya landskap yang bernilai tinggi.

Kajian akan merangkumi perkara-perkara berikut :

- i. Kedudukan sumber
- ii. Kuantiti seperti keluasan taburan;
- iii. Hierarki, piawaian sediaada;
- iv. Sasaran dan unjuran yang ditetapkan dalam rancangan pembangunan sediaada dan akan datang;
- v. Potensi dan ancaman.

1.3.5 Kajian Ciri-ciri Pembangunan Landskap

Kajian ini akan dijalankan dengan mengenalpasti dan mengkaji ciri-ciri pembangunan landskap yang sedia wujud di kawasan kajian. Kajian ini meliputi perkara-perkara berikut :

- i. Ciri-ciri utama rekabentuk bagi landskap kejur dan lembut, termasuk elemen air.
- ii. Jenis tanaman landskap utama dan tanaman hiasan yang lainnya.

- iii. Bahan yang digunakan bagi landskap kejur.
- iv. Kegunaan alat dan perabot landskap.

1.3.6 Mengenalpasti Sosiobudaya

Kajian akan mengenal pasti dan menganalisis ciri-ciri rekabentuk sosiobudaya kawasan kajian yang mempamerkan faktor-faktor sosiobudaya penduduk dalam kawasan kajian dari sudut kumpulan kaum, pendapatan dan pekerjaan, kumpulan umur, sejarah, tradisi budaya dan kepercayaan khusus dan lain-lain yang berkaitan.

1.3.7 Mengenalpasti dan Menilai 'Landscape Character' Kawasan Kajian

Kajian ini akan mengenalpasti ciri-ciri yang memberi 'sense of place of the locality' yang membezakan kawasan kajian ini berbeza dari kawasan-kawasan kejirannya (*neighbouring areas*).

Penilaian dan penaksiran 'character' tersebut akan menentukan tindakan-tindakan yang boleh merubah atau mengekalkan ciri-ciri landskap setempat. 'Landscape character' tersebut dipengaruhi oleh pelbagai elemen, komponen dan sumber jaya landskap sediaada seperti taman-taman awam, kawasan-kawasan landskap utama seperti pintu masuk utama, jalan protokol pusat bandar dan lain-lain.

Penilaian terhadap 'landscape character' yang bertujuan untuk menyediakan perlindungan persekitaran yang berkesan (*effective environmental protection*) dan penggunaan sumber jaya asli yang berhemat (*prudent natural resources use*). Ini boleh dilaksanakan melalui pendekatan berikut, antaranya :

- i. Mengenalpasti 'feature' alam sekitar dan budaya di kawasan kajian (*identify the environmental and cultural features in a locality*).
- ii. Memantau perubahan persekitaran (*monitor change in the environment*).
- iii. Memahami sensitiviti kawasan terhadap pembangunan dan perubahan (*understand a location's sensitivity to development and change*)
- iv. Menetapkan keadaan bagi mana-mana pembangunan dan perubahan (*set the condition for any development and change*).

1.3.8 Mengenal Pasti dan Mengesyorkan Kaedah Pengurusan.

Kajian akan dibuat terhadap status pengurusan landskap semasa, kelemahan dan kelebihan. Syor - syor dan kaedah pengurusan yang perlu dilaksanakan akan diunjurkan untuk dilaksanakan bagi mencapai konsep pembangunan landskap yang dicadangkan. Antara aspek pengurusan landskap yang akan dikaji ialah:

- i. Struktur organisasi yang bertanggungjawab ke atas pengurusan pembangunan landskap,
- ii. Program pengurusan landskap seperti penyelenggaraan, pemuliharaan dan lain-lain.
- iii. Komponen-komponen pengurusan, 'Tools' penyelenggaraan landskap dan Anggaran Belanjawan Pengurusan.

1.3.9 Kawalan dan Penguatkuasaan Landskap

Kajian akan mengkaji keperluan dan pemakaian peraturan dan perundangan sekiranya ada dan mengesyorkan kaedah pelaksanaan yang seharusnya digunakan bagi mengawal pembangunan, pemeliharaan dan pengurusan landskap.

Kajian juga akan melihat kepada semua dasar kerajaan yang berkaitan dengan pembangunan khususnya Dasar-dasar Pembangunan di peringkat Nasional terutama dalam pembangunan mapan yang menekankan pemeliharaan alam sekitar.

Dokumen-dokumen kerajaan berkaitan landskap adalah termasuk 'Landscaping The Nation' dan Garis Panduan Landskap Negara akan dirujuk dan diselaraskan dengan pelan struktur dan pelan tempatan dan lain-lain laporan berkaitan :

- i. Cadangan-cadangan pembangunan sediaada dalam kawasan kajian, akta, garis panduan, peraturan, peruntukan kawasan landskap dan lain-lain yang berkaitan.
- ii. Menyediakan unjuran dan cadangan-cadangan strategi untuk pembangunan landskap.

1.4 Metodologi Kajian

Metodologi kajian adalah merujuk kepada Rajah 1-1. Berikut merupakan peringkat kajian berdasarkan rajah tersebut :

1.4.1 Peringkat Kajian

1.4.1.1 Peringkat I : Kajian Awalan

Peringkat ini akan menerangkan secara khusus matlamat, objektif, skop dan metodologi kajian. Ianya juga akan memuatkan penemuan-penemuan awal dan mengenal pasti secara kasar isu-isu yang perlu dikaji dan dikemukakan.

1.4.1.2 Peringkat II : Inventori Tapak dan Pengumpulan Data / Maklumat

Peringkat ini akan mengemukakan maklumat-maklumat berkaitan dan analisis ke atas perkara-perkara yang telah disebutkan di dalam skop kajian. Ianya akan merumus isu-isu dan perkara-perkara utama seperti ciri-ciri fizikal dan gunatanah, rekabentuk bandar, hortikultur dan keperluan landskap, kawasan lapang dan rekreasi, demografi penduduk dan alam sekitar yang mempunyai implikasi ke atas cadangan PIL yang akan dirangka. Pengumpulan maklumat adalah melalui kajian lapangan, soal selidik dan juga data sekunder yang diperolehi daripada agensi-agensi yang berkaitan.

1.4.1.3 Peringkat III : Analisis, Sintesis dan Unjuran

Pada peringkat ini, data yang diperolehi pada peringkat inventori tapak dan pengumpulan maklumat akan dianalisis menggunakan beberapa kaedah seperti SWOT, 'Compatibility Matrix' dan analisis GIS bergantung kepada kesesuaian data yang hendak dianalisis.

Seterusnya rumusan dan unjuran-unjuran akan dibuat berdasarkan analisis tersebut. Seterusnya, menerangkan secara terperinci konsep pembangunan bagi kawasan kajian berserta pelan konsep pembangunan. Ia juga akan mengemukakan cadangan awal bagi PIL Sepang.

1.4.1.4 Peringkat IV: Pembentukan Strategi dan Konsep

Peringkat ini akan menerangkan secara terperinci strategi dan konsep pembangunan bagi kawasan kajian berserta pelan konsep pembangunan yang disokong oleh lukisan dan lakaran berwarna. Selain itu, strategi dan konsep pembangunan kawasan tindakan pembangunan juga akan dikemukakan pada peringkat ini. Seterusnya, mengemukakan cadangan awal bagi PIL Sepang.

1.4.1.5 Peringkat V: Penyediaan Pelan Induk Landskap dan Garis Panduan

Peringkat ini akan mengemukakan perkara-perkara serta perincian cadangan, garis panduan dan dasar hasil daripada kaji selidik data-data yang diperolehi. Pelan-pelan konsep pembangunan, strategi pembangunan, pelan-pelan terperinci dan juga kaedah-kaedah pelaksanaan serta kos-kos yang terlibat akan dikemukakan di peringkat ini.

1.4.2 Kaedah Pengumpulan Data

Semua maklumat-maklumat yang digunakan di dalam laporan ini didapati daripada dua (2) sumber data utama iaitu:

i. Data Primer

Maklumat yang diperolehi daripada sumber ini akan merujuk kepada pengumpulan data melalui pengamatan ke atas perkara-perkara yang terdapat di dalam skop kajian sama ada berbentuk fizikal atau semula jadi. Manakala kaedah kaji selidik (*questionnaire*) atau temu bual pula digunakan secara rawak terhadap penduduk di sekitar kawasan MPSepang bagi mendapatkan pandangan dan tindak balas responden terhadap soalan-soalan yang melibatkan elemen landskap.

ii. Data Sekunder

Kaedah ini digunakan di dalam memperolehi maklumat-maklumat secara merujuk kepada bahan-bahan rujukan sedia ada yang didapati daripada jabatan-jabatan kerajaan dan swasta atau mana-mana badan berkanun yang terlibat di dalam penyediaan Pelan Induk Landskap. Di antaranya adalah :-

A. Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri dan Daerah

Data teknikal yang dikumpulkan meliputi perkara berikut:-

- 'Layout' jalan raya terbaru
- Hierarki jalan
- Isi padu lalu lintas
- Cadangan pembangunan akan datang
- Perancangan landskap di sepanjang laluan jalan

B. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri dan Daerah

Data teknikal yang dikumpulkan meliputi perkara berikut:-

- Sistem saliran
- Taburan sungai dan badan air
- Kawasan tadahan air
- Kawasan/kekerapan banjir
- Kawasan tebatan banjir
- Kawasan hakisan tanah dan sungai
- Rancangan pembangunan
- Kawasan-kawasan rekreasi di bawah JPS
- Kawasan berpotensi untuk pembangunan landskap
- Perancangan pengindahan sungai

C. Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD)

Data teknikal yang dikumpulkan meliputi perkara berikut:-

- Guna Tanah semasa kawasan kajian
- Laporan Teknikal Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Sepang
- Rancangan Struktur Negeri Selangor

D. Jabatan Alam Sekitar (JAS)

Data teknikal yang dikumpulkan meliputi perkara berikut:-

- Kualiti alam sekitar
- Kesan-kesan pencemaran ke atas tanaman dan kawasan landskap
- 'Degrade Landscape' – kesan hakisan ke atas kawasan landskap
- Kesan-kesan pencemaran ke atas kawasan lain seperti kawasan lapang dan sungai
- Penerapan nilai kualiti alam sekitar dalam konteks pembangunan landskap
- Pencemaran di kawasan pusat bandar
- Isu-isu utama yang berkaitan dengan alam sekitar
- Dasar dan perundangan berkaitan

E. Jabatan Pertanian Daerah Sepang

Data teknikal yang dikumpulkan meliputi perkara berikut:-

- Siri tanah dan kelas tanah
- Kawasan pertanian kekal
- Sumbangan pertanian kepada sektor pelancongan
- Tanaman yang memberi makna kepada sesebuah kawasan
- Pembangunan masa hadapan

F. Tourism Selangor Sdn. Bhd.

Antara data teknikal yang dikumpulkan meliputi perkara berikut:-

- Rancangan pelancongan semasa dan akan datang
- Kalendar pelancongan
- Jumlah pelancong ke Daerah Sepang (tempatan dan luar negara)
- Promosi yang dijalankan bagi kawasan pelancongan sedia ada
- Hotel / rumah rehat yang ada di Sepang (jumlah, lokasi, taraf)

G. Jabatan Landskap Majlis Perbandaran Sepang.

Data teknikal yang dikumpulkan meliputi perkara berikut:-

- Laporan Teknikal Rancangan Tempatan Daerah Sepang
- Program perancangan dan pengindahan serta pelaksanaannya di Sepang
- Program dan pelaksanaan penyelenggaraan (*maintenance*) di Sepang
- Garis panduan pelaksanaan landskap yang diguna pakai oleh MPSepang.

iii. Lawatan Inventori Tapak Kajian


Lawatan tapak dijalankan bagi mengumpulkan data dan maklumat sedia ada di tapak serta mengkaji masalah dan potensi tapak.



Foto 1-1 : Lawatan ke tapak kapal korek lama.

iv. Penglibatan Pihak Awam & Badan Bukan Kerajaan.

Mengumpul maklumbalas dan maklumat dalam mencadangkan program landskap yang boleh dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan yang melibatkan orang awam, pihak swasta, Badan Bukan Kerajaan (NGO's), orang perseorangan dan sebagainya.



Rajah 1-1: Ringkasan Metodologi Kajian.

1.5 Aspek Kajian

Secara amnya aspek kajian bagi kaedah pengumpulan data diperolehi daripada kajian lapangan/data primer dan juga data sekunder seperti berikut:

ASPEK	KAEDAH
1. Ciri-ciri fizikal sumber asli dan alam sekitar	i. Data primer - Kajian tapak ii. Data sekunder - Rancangan Tempatan MPSepang (Pengubahan 1) 2020 - Pembelian Peta Dan Data Alam Sekitar - Permohonan dari jabatan-jabatan teknikal berkaitan
2. Kawasan lapang, rekreasi dan pelancongan	i. Data primer - Kajian tapak ii. Data sekunder - Rancangan Tempatan MPSepang (Pengubahan 1) 2020 - Pihak Berkuasa Tempatan
ASPEK	KAEDAH
3. Ciri-ciri pembangunan landskap	i. Data primer - Inventori - Kajian tapak ii. Data sekunder - Rancangan Tempatan MPSepang (Pengubahan 1) 2020
4. Perancangan, reka bentuk bandar, sosio-budaya	i. Data primer - Kajian tapak - Kaji selidik pengunjung dan penduduk tempatan. ii. Data sekunder - Rancangan Tempatan MPSepang (Pengubahan 1) 2020 - Risalah
5. Pengurusan landskap sedia ada	i. Data sekunder - Maklumat dari Pihak Berkuasa Tempatan - Garis Panduan Landskap Edisi 2, 2008, Jabatan Landskap Negara
6. Penguat kuasa, kawalan dan program	i. Data sekunder - Maklumat dari Pihak Berkuasa Tempatan

Jadual 1-1: Aspek Kajian Pelan Induk Landskap Majlis Perbandaran Sepang.

1.6 Rumusan

Secara amnya, penyediaan PIL MPSepang merangkumi semua matlamat serta objektif yang telah disasarkan oleh pihak JLN dan MPSepang melalui pelan teknikal dan pelan konsep pembangunan. Laporan ini telah mengkaji semua maklumat berkaitan bagi menyokong setiap skop kajian yang telah disediakan. Maklumat-maklumat ini diperolehi dengan menggunakan dua sumber utama iaitu pengumpulan data dari kajian lapangan / data primer dan juga data sekunder iaitu maklumat dari jabatan serta agensi yang berkenaan. Penyediaan PIL ini akan dijadikan garis panduan dan rujukan kepada PBT dalam merancang serta membangunkan projek yang berkaitan dengan landskap.